

Implikasi Pengecualian Caruman Perkeso kepada Sistem Perlindungan Sosial Pekerja

KRI VIEWS 20 /20 | 27 March 2020 | Nur Thuraya Sazali dan Hawati Abdul Hamid

Views adalah rencana yang diterbitkan bagi menggalakkan perbincangan dan pertukaran pandangan tentang isu-isu semasa. Ia adalah pendapat penulis dan tidak semestinya mewakili pendirian rasmi KRI.

Rencana ini ditulis oleh Nur Thuraya Sazali dan Hawati Abdul Hamid, penyelidik di Khazanah Research Institute (KRI). Penulis berterima kasih di atas komen daripada Christopher Choong Weng Wai.

Alamat e-mail penulis:
thuraya.sazali@krinstitute.org
hawati.hamid@krinstitute.org

Atribusi – Sila rujuk karya ini seperti yang berikut: Nur Thuraya Sazali dan Hawati Abdul Hamid. 2020. Implikasi Pengecualian Caruman Perkeso kepada Sistem Perlindungan Sosial Pekerja. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute. License: Creative Commons Attribution CC BY 3.0

Penterjemahan – Jika anda menterjemah karya ini, sila sertakan penafian berikut bersama-sama atribusi: Terjemahan ini tidak dihasilkan oleh Institut Penyelidikan Khazanah dan tidak boleh dianggap sebagai terjemahan rasmi Institut Penyelidikan Khazanah. Institut Penyelidikan Khazanah tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kandungan atau kesilapan dalam terjemahan ini.

Maklumat tentang kajian Khazanah Research Institute and penerbitan dalam bentuk digital boleh didapati di www.KRInstitute.org.



Pengenalan

Dalam usaha menangani kejatuhan ekonomi rentetan Covid-19, beberapa persatuan perniagaan dan perdagangan telah mengusulkan beberapa langkah untuk mengurangkan kos perniagaan dan mengelakkan pembuangan pekerja. Antara usul-usul tersebut termasuk penangguhan cukai perniagaan dan individu, bantuan tanggungan kos penggajian serta pengecualian caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan levi Tabung Pembangunan Sumber Manusia (PSMB)¹.

¹ NST (2020a) dan NST (2020b)

Rencana ini memberi fokus kepada cadangan pengecualian caruman Perkeso sehingga wabak ini berakhir—suatu langkah yang difikirkan oleh pihak majikan akan dapat membantu masalah aliran tunai terutamanya bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk terus menggaji pekerja. Namun, cadangan ini perlu diteliti dengan mengambil kira sejauh mana kesan pengecualian caruman ini bukan sahaja terhadap majikan tetapi juga pekerja dan pihak Perkeso itu sendiri.

Bayaran Perkeso hanyalah peratusan kecil bagi majikan

Jadual 1 menunjukkan pecahan caruman Perkeso bagi syer majikan dan pekerja. Untuk Skim Keilatan dan Sistem Insurans Pekerjaan, majikan dan pekerja menyumbang pada kadar yang sama, iaitu sebanyak 0.5% dan 0.2%. Bagi Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Perlindungan untuk Pekerja Asing pula, hanya majikan dikehendaki membuat caruman iaitu sebanyak 1.25%.

Jadual 1: Caruman mengikut jenis skim


| | Skim Keilatan | Skim Insuran Pekerjaan | Skim Bencana Pekerjaan | Skim Perlindungan untuk Pekerja Asing | Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri |
|----------------|---------------|------------------------|------------------------|---------------------------------------|---|
| Syer Majikan | 0.5% | 0.2% | | 1.25% | 1.25% |
| Syer Pekerja | 0.5% | 0.2% | | - | - |
| Jumlah Caruman | 1.0% | 0.4% | | 1.25% | 1.25% |

Sumber: Perkeso (n.d.)

Nota: Hanya pencarum Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri boleh memilih pendapatan bulanan yang ingin diinsurank.

Secara ringkas, majikan hanya perlu mencarum kurang daripada 2.0% kepada Perkeso dan jumlah caruman dikira berdasarkan gaji pekerja yang terhad kepada jumlah maksimum RM4,000 sebulan. Seperti tertera dalam Rajah 1, peratusan kecil ini bermakna caruman kepada Perkeso merupakan sebahagian kecil daripada jumlah keseluruhan kos penggajian. Walaupun nilai caruman akan bergantung kepada jumlah bilangan pekerja, pemansuhan bayaran Perkeso hanya dapat menjimatkan kos di pihak majikan terhad kepada 2.0% sahaja .

Rajah 1. Syer caruman majikan dan pekerja kepada Perkeso berdasarkan purata dan median gaji, 2018



Sumber: JPM (2019a), pengiraan penulis

Perkeso bergantung kepada sumbangan majikan dan pekerja

Tanpa pendapatan caruman, dana Perkeso dijangka terjejas teruk

Sebaliknya, sumbangan 2.0% ini pula boleh memberi kesan yang besar kepada Perkeso. Hal ini kerana pendapatan caruman merupakan penyumbang terbesar dalam komponen hasil Perkeso. Berdasarkan laporan tahunan Perkeso bagi tahun 2018, RM4.3 bilion (atau 71%) daripada hasil Perkeso berjumlah RM6.1 bilion datang daripada pendapatan caruman, diikuti pendapatan pelaburan (26.0%) dan geran kerajaan (2.0%)².

Memandangkan sebahagian besar hasil Perkeso datang daripada wang caruman, pengecualian caruman walaupun hanya dihadkan kepada caruman majikan akan menjelaskan aliran kewangan Perkeso, lebih-lebih lagi apabila caruman majikan adalah lebih tinggi daripada pekerja. Untuk caruman bagi ketiga-tiga skim³, pihak pekerja hanya membayar antara RM5.25 sehingga RM19.75 sebulan, ataupun 0.7% daripada gaji bulanan mereka. Majikan pula perlu mencarum antara RM18 sehingga RM70 sebulan . Ini menjadikan 74.0% caruman datang dari majikan dan 26% daripada pekerja.

Jika pengecualian caruman oleh kedua-dua pihak dilaksanakan untuk tempoh 6 bulan, adalah dianggarkan pendapatan caruman Perkeso akan terjejas antara RM1.0 bilion hingga RM3.8 bilion, ataupun secara purata RM2.4 bilion. Seterusnya, ini dijangka akan memberi impak kepada kemampunan dana serta mungkin akan menjelaskan penyaluran bantuan yang ampuh kepada penerima faedah. Walaupun Perkeso mempunyai rizab Keselamatan Sosial berjumlah RM28.0 bilion, rizab ini perlu dipelihara bagi memenuhi komitmen bayaran jangka panjang kepada penerima faedah yang dilihat semakin meningkat tahun demi tahun.

Peningkatan perbelanjaan dan bayaran faedah

Perkeso juga mempunyai lebihan hasil sebanyak RM1.4 billion pada 2018. Namun begitu, hampir keseluruhan pendapatan caruman Perkeso disalurkan untuk belanja tanggungan kepada penerima faedah dan jumlahnya kian meningkat saban tahun. Justeru, Perkeso perlu terus meningkatkan tahap rizabnya bagi menghadapi komitmen pada hadapan secara lebih bersedia.

Menurut data yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia⁴, penerima faedah meningkat pada kadar 9% antara tahun 2016 dan 2018, lebih tinggi daripada kadar peningkatan bilangan pencarum 7%. Perkembangan semasa juga menunjukkan peningkatan permohonan daripada pekerja untuk mendapatkan Pencen Ilat Perkeso atas faktor kesihatan serta kekurangan simpanan hari tua. Pertumbuhan penerima faedah yang lebih pantas daripada pertumbuhan bilangan pencarum bermakna dana boleh menyusut lebih cepat daripada apa yang dapat ditangani Perkeso.

² Perkeso (2019)


³ Skim Keilatan, Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Insuran Pekerja,

⁴ JPM (2019)

Majoriti penerima faedah adalah pencen penakat dan pencen ilat

Rajah 2 menunjukkan 51.8% daripada jumlah penerima faedah ialah penerima pencen penakat, yang terdiri daripada tanggungan atau waris kepada pekerja yang telah meninggal dunia. Kumpulan kedua terbesar pula ialah pekerja yang hilang upaya untuk bekerja atau penerima pencen/bantuan ilat (12.3%).


Rajah 2: Penerima faedah skim keilatan dan bencana pekerjaan mengikut jenis faedah, 2018



Source: JPM (2019b)

Maklumat mengikut jumlah bayaran faedah juga adalah konsisten dengan pemerhatian ke atas penerima faedah. Rajah 3 menunjukkan RM1,186 juta atau 36% daripada jumlah bayaran faedah dibelanjakan untuk skim pencen penakat, diikuti untuk pencen ilat—RM694 juta atau 21.0%. Peratusan besar penerima manfaat untuk kedua-dua faedah ini menunjukkan bahawa kebanyakkan perbelanjaan faedah Perkeso digunakan untuk bayaran jangka panjang.

Rajah 3: Bayaran skim keilatan dan bencana pekerjaan mengikut jenis faedah (RM juta), 2018



Sumber: Perkeso (2018)

Kesimpulan

Pengecualian caruman Perkeso sudah semestinya dapat mengurangkan kos penggajian pekerja, terutamanya bagi perniagaan yang mempunyai bilangan pekerja yang ramai. Namun begitu, memandangkan peratusan caruman adalah kecil—hanya 2.0% daripada gaji pekerja dan terhad pada jumlah maksimum RM4,000—penjimatan kos kepada majikan sebenarnya tidaklah besar. Terdapat kos-kos lain yang, memberi impak lebih besar kepada aliran tunai majikan dan salah satunya tentulah bayaran gaji dan upah kepada pekerja itu sendiri.

Bantuan khas yang telah diumumkan kerajaan untuk perniagaan, terutamanya PKS⁵ boleh dimanfaatkan oleh majikan untuk kelangsungan perniagaan dan mengekalkan pekerja. Antara inisiatif yang telah diumumkan termasuklah pinjaman korporat, penangguhan bayaran balik pinjaman bank (moratorium), diskauan caj elektrik dan pengecualian pembayaran levi Pembangunan Sumber Manusia bagi sektor tertentu. Namun, tidak dinafikan masih ada lagi ruang polisi untuk membantu peniaga. Ini termasuklah perkongsian pembayaran gaji antara kerajaan dan majikan seperti yang dilakukan di Singapura dan Denmark, di mana kerajaan menampung 25% sehingga 75% gaji pekerja.⁶ Program Subsidi Upah bersyarat sebanyak RM600 (26.0% penjimatan berdasarkan median gaji 2018) untuk setiap pekerja selama tiga bulan yang diumumkan kerajaan pada 27 Mac 2020 sudah pasti dapat membantu majikan yang layak⁷.

Dalam krisis yang tidak menentu sekarang, peranan Perkeso dijangka akan menjadi lebih kritikal dalam menyediakan keselamatan sosial kepada semua pekerja. Contohnya, Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) yang dikhaskan untuk pekerja yang dipaksa bercuti tanpa gaji adalah dibiayai melalui pendapatan pelaburan Skim Insurans Pekerjaan (SIP). Aliran masuk hasil caruman yang terjejas akan mempengaruhi pendapatan pelaburan Perkeso serta menjelaskan keupayaan untuk membayar faedah program, terutamanya dengan jangkaan kehilangan pekerjaan yang lebih tinggi sekarang.

Perbincangan dalam rencana ini bertujuan memberi pencerahan tentang implikasi pengecualian caruman Perkeso. Apabila dilihat dari konteks nilai caruman berbanding kos-kos perniagaan yang lain, saiznya didapati adalah kecil. Namun impaknya dalam memelihara kesejahteraan pekerja adalah besar. Pembayaran faedah Perkeso kepada penerima manfaat juga harus dilihat sebagai suntikan kewangan kepada ekonomi negara.

Memandangkan pendapatan caruman merupakan penyumbang terbesar kepada hasil Perkeso serta komitmen tinggi Perkeso kepada penerima faedah, usul pengecualian ini diharap tidak diteruskan. Tumpuan sebaliknya perlu diberikan dalam membantu majikan menangani kos-kos yang lebih signifikan yang mempengaruhi aliran tunai perniagaan. Walaupun sektor pekerjaan sekarang berada dalam keadaan genting dan memerlukan langkah segera, kita tidak seharusnya

⁵ PPM (2020a), PPM (2020b) dan BNM (2020)

⁶ Seperti yang dinyatakan dalam Siti Aiysyah Tumin (2020)

⁷ PPM (2020c)

berpandangan pendek dengan mempertaruhkan sistem keselamatan sosial yang berfungsi mengimbangi risiko-risiko luar jangka yang dihadapi pekerja.

Rujukan

- BNM. 2020. *Measures to Assist Individuals, Smes and Corporates Affected by Covid-19*. Bank Negara Malaysia.
https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_press&pg=en_press&ac=5018&lang=en.
- JPM. 2019. *Statistics Yearbook Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- NST. 2020a. *Govt Can Dip into RM400b National Reserve to Help Malaysians: Mef*. New Straits Times. <https://www.nst.com.my/business/2020/03/578336/govt-can-dip-rm400b-national-reserve-help-malaysians-mef>.
- NST. 2020b. *'Stop Epf and Pay 60% of Employee Wages to Prevent Mass Layoffs'*. New Straits Times. <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/578301/stop-epf-and-pay-60-employee-wages-prevent-mass-layoffs>.
- Perkeso. 2018. *Laporan Tahunan 2017*. Pertubuhan Keselamatan Sosial
https://www.perkeso.gov.my/images/laporan_tahunan/Laporan_Tahunan2018.pdf.
- Perkeso. 2019. *Laporan Tahunan 2018*. Pertubuhan Keselamatan Sosial
[https://www.perkeso.gov.my/images/laporan_tahunan/DRAFT%20-%20PERKESO%20AR%202018\(12nov19\).pdf](https://www.perkeso.gov.my/images/laporan_tahunan/DRAFT%20-%20PERKESO%20AR%202018(12nov19).pdf).
- Perkeso. n.d. Pertubuhan Keselamatan Sosial. <https://www.perkeso.gov.my/index.php/en/>.
- PPM. 2020a. *Economic Stimulus Package 2020*. Pejabat Perdana Menteri Malaysia.
https://www.treasury.gov.my/pdf/pre2020/Booklet_2020_Economic_Stimulus_Package.pdf.
- PPM. 2020b. *Kenyataan Media: Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Bil. 1/2020*. Pejabat Perdana Menteri Malaysia. <https://www.pmo.gov.my/2020/03/mesyuarat-majlis-tindakan-ekonomi-bil-1-2020/>.
- PPM. 2020c. *Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin)*. Pejabat Perdana Menteri Malaysia. <https://www.pmo.gov.my/speech/>.
- Siti Aiysyah Tumin. 2020. *Firms: Survival in Times of Crisis*. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute.